

1.1 PERMODALAN RISDA BERHAD (PRB)

PRB ditubuhkan pada 15 November 1994 sebagai syarikat yang bertanggungjawab menguruskan dana-dana RISDA, pembiayaan peribadi, pemfaktoran, pusat data dan ICT. PRB Grid Technology Solutions Sdn Bhd (PRB GTS) merupakan sebuah anak syarikat Permodalan RISDA Berhad.

1.1.1 AKTIVITI UTAMA PRB

Aktiviti utama PRB tahun 2020 telah menjana pendapatan syarikat sebanyak RM12,518,389. Aktiviti-aktiviti utama adalah dari aktiviti berikut:

i. PEMFAKTORAN DAN PEMBIAYAAN KONTRAK

Pembiayaan pemfaktoran merupakan aktiviti pendahuluan tunai dengan segera yang diberikan kepada kontraktor yang mendapat kontrak daripada kerajaan atau syarikat milik kerajaan (GLC). Ianya menerusi proses menjual invois syarikat tersebut kepada PRB bagi mendapatkan pendahuluan tunai 80% dari jumlah kontrak yang diterima.

Pembiayaan pemfaktoran PRB juga menyediakan kemudahan tambahan seperti *Bank Guarantee* (BG), *Letter of Credit* (LC) dan Pembiayaan Kontrak (*Contract Financing*). Kesemua kemudahan ini mematuhi Syariah melalui konsep Bai Ad Dyn dan Bai Al Innah dan PRB kini merupakan *One Stop Centre* bagi pembiayaan pemfaktoran.

Aktiviti pemfaktoran telah menyumbang 30.20% daripada keseluruhan pendapatan PRB iaitu sebanyak RM3,780,193.




Rajah 1.1.1 Perbincangan MOU antara Permodalan RISDA Berhad & Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd

ii. **AKTIVITI KHIDMAT PENGURUSAN**

- Yuran Pengurusan Pelaburan Dana
- Yuran Pentadbiran Tabung Pembiayaan

Aktiviti Khidmat Pengurusan seperti tabung pembiayaan adalah merupakan aktiviti pindah urus daripada RISDA kepada PRB semenjak tahun 1996. Kemudahan tersebut adalah berbentuk pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer disediakan kepada semua staf RISDA. Setakat Disember 2020 aktiviti tersebut telah menyumbang 30.45% atau RM3,811,246 daripada keseluruhan pendapatan syarikat.



Rajah 1.1.2 Cabutan Bertuah Pembiayaan RISDA Kali ke 1/2020 pada 26 Februari 2020

iii. **JUALAN SERVER, PENYEDIAAN PUSAT DATA DAN ICT**

PRB GTS sebagai anak syarikat PRB yang menjalankan perniagaan ICT dan Pusat Data serta Pemulihan Bencana (*DRC*) secara berpusat untuk agensi kerajaan dan juga swasta. Aktiviti ini juga melibatkan pembangunan proses virtualisasi seperti *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI). Perniagaan ini telah menyumbang pendapatan sebanyak 1.61% iaitu RM201,913.

Sebagai syarikat penyedia Hyperconverge di Malaysia, PRB telah dilantik sebagai pembekal utama (*Distributor*) bagi Rantau Asia untuk produk Hypergrid.



Rajah 1.1.3 Sessi Demonstrasi *Virtual Desktop Infrastructure (VDI)*

iv. PEMBIAYAAN PERIBADI DAN STAF

- Keuntungan Pembiayaan Staf PRB
- Keuntungan Pinjaman Peribadi

Semenjak tahun 2007, kemudahan berbentuk Pembiayaan Peribadi disediakan kepada semua staf RISDA dan staf syarikat milik RISDA . Aktiviti perniagaan ini telah menjana pendapatan sebanyak 16.99% atau RM2,126,955 daripada jumlah pendapatan keseluruhan.

v. PELABURAN DANA

- Keuntungan Pasaran Wang
- Keuntungan Pelaburan Saham
- Dividen Saham
- Caj Kendalian Saham

Aktiviti pengurusan dana milik RISDA dan SMR masih diurus oleh PRB semenjak ianya ditubuhkan di mana dana-dana tersebut dilabur melalui aktiviti pelaburan pasaran wang. Setakat akhir Disember 2020, sebanyak 0.22% iaitu RM27,561 daripada jumlah keseluruhan

pendapatan PRB telah disumbangkan menerusi Aktiviti Pelaburan Dana.

1.1.2 SUMBANGAN PRB TAHUN 2020

Tiada sumbangan yang diberikan oleh PRB pada tahun 2020 berikutan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah menyukarkan PRB untuk melakukan aktiviti-aktiviti khidmat sosial (CSR).

1.1.3 PENCAPAIAN & KEJAYAAN TAHUN 2020

- i. Bagi aktiviti perniagaan ICT, PRB telah menjalankan perniagaan baharu iaitu pembangunan yang melibatkan proses virtualisasi seperti *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI).
- ii. Berjaya mementerai MOU dengan pihak Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd bagi perkhidmatan pemegang amanah dan pembiayaan pemfaktoran untuk kerja - kerja menaiktaraf prasarana di Johor.